

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
KUALA LUMPUR
SEMPENA HARI 'Q' DAN ULANG TAHUN YANG KE-30 INSTITUT
KESIHATAN UMUM, KEMENTERIAN KESIHATAN
27 NOVEMBER 1996

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terimakasih kepada Pengarah Institut Kesihatan Umum, (IKU) serta Jawatankuasa Penganjur kerana menjemput saya untuk merasmikan Hari 'Q' dan Ulangtahun ke 30 IKU. Jemputan ini sungguh bermakna kerana ia memberi peluang kepada saya untuk berada semula di kampus IKU yang merupakan institusi terakhir saya bertugas semasa dalam perkhidmatan awam dahulu. Sememangnya kampus IKU ini membawa kembali beberapa peristiwa yang sukar saya lupakan.

2. Dalam usia 30 tahun, IKU telah banyak berbakti dan menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan negara. Saya difahamkan sehingga kini, IKU telah berjaya melahirkan lebih 2,500 graduan Inspektor Kesihatan, 1,700 Jururawat Kesihatan Umum, 81 Pegawai Pendidikan Kesihatan dan 149 pengajar tutor. Dengan adanya kakitangan yang terlatih ini, negara akan dapat menyediakan dan memberikan perkhidmatan kesihatan yang lebih berkesan.

3. Selain melahirkan tenaga kerja baru bagi perkhidmatan perubatan, IKU juga telah berjaya memperkukuhkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan melalui program latihan dalam perkhidmatannya. Saya juga difahamkan setiap tahun, beberapa kursus pendek merangkumi pelbagai bidang daripada bidang kesihatan seperti aspek kesihatan ibu dan kanak-kanak hingga ke bidang perubatan seperti rawatan klinikal malaria dan sebagainya telah juga diadakan. IKU sudah mula menerajui satu bidang baru di dalam latihan, iaitu latihan pengurusan Kesihatan atau Health Management Training.

4. Institut Kesihatan Umum merupakan sebuah institusi yang kian menyerlah dalam menjalankan penyelidikan kesihatan yang bermutu. Setiap tahun, IKU berjaya menghasilkan beberapa kajian maklumat kesihatan yang dapat digunakan dalam menyokong dan memantapkan lagi program-program kesihatan. Antara penyelidikan yang ketara bermanfaat ialah tinjauan kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan pertama yang telah dijalankan pada tahun 1986 dan tinjauan susulan kedua yang sedang dijalankan.

5. Saya dimaklumkan bahawa pelaksanaan kajian Morbiditi Kebangsaan seperti ini adalah sangat sukar dan hanya beberapa buah negara maju sahaja dapat menjalankannya secara konsisten. Ini adalah kerana keperluan logistik yang begitu besar, khususnya daripada segi tenaga manusia untuk mengumpul data. Ia juga memerlukan kepakaran teknikal yang tinggi memandangkan isu-isu kesihatan yang perlu dikaji mempunyai skop yang luas. Juga, indikator yang terlibat adalah rumit, sukar diperolehi, dan juga sukar diukur dengan tepat. Tinjauan sebegini juga

memerlukan sumber kewangan yang besar dan peralatan yang canggih, serta jangka yang agak lama. Dengan itu, saya ingin mengucapkan syabas kepada IKU di atas usaha menjalankan kajian ini.

6. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada IKU kerana diiktiraf sebagai institusi penyelidikan kesihatan serantau apabila ianya dijadikan Pusat Kerjasama WHO (WHO Collaborating Centre) dalam bidang Penyelidikan Sistem Kesihatan atau Health System Research (HSR). Dengan pengiktirafan antarabangsa ini, penyelidik-penyelidik dari beberapa buah negara di rantau Pasifik Barat berpeluang mendapatkan latihan dalam bidang HSR di negara ini. Saya yakin aktiviti penyelidikan yang dijalankan oleh IKU akan dipergiatkan lagi serta terus mencipta nama di peringkat antarabangsa.

7. Kerajaan sentiasa menghargai sumbangan kakitangan. Dalam Ucapan Belanjawannya baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah mengumumkan bonus sebulan gaji sebagai terima kasih Kerajaan kepada semua anggota kerja Kerajaan. Pemberian ini melambangkan keikhlasan dan kemampuan Kerajaan, dan kita semua patut merasa syukur di atas perkara ini.

8. Bagi segolongan anggota kakitangan yang bertugas lebih cemerlang pula, Kerajaan telahpun mewujudkan anugerah Tahunan Khidmat Cemerlang bagi semua jabatan Kerajaan. Kita semua amat bertuah kerana dapat hadir pada pagi ini untuk turut sama merasa gembira bersama-sama 9 anggota kakitangan IKU yang telah bertugas dengan cemerlang pada tahun 1995 dan bakal dianugerah sijil khidmat cemerlang masing-masing. Kepada kesemua 9 anggota kerja ini, saya ucapkan syabas dan tahniah. Saya juga berharap mereka akan berusaha dengan lebih gigih lagi. Kepada anggota-anggota kerja IKU yang lain pula, saya berharap teladan yang ditunjukkan oleh rakan mereka ini akan dijadikan pendorong dan semangat untuk mereka bertugas dengan lebih cemerlang pada masa hadapan. Saya yakin mereka juga mampu mencapai tahap yang sama ataupun lebih. Bagi anggota-anggota kakitangan yang baru bersara pula yang turut dirayakan pada majlis ini, saya berharap mereka juga dapat terus menyumbang bakti kepada masyarakat setempat mengikut kepakaran dan kemampuan diri masing-masing. Anggaplah persaraan itu hanyalah sebagai satu 'koma' dan bukannya satu 'noktah' dalam kehidupan kita.

9. Tema perayaan Hari 'Q' pada tahun ini iaitu 'Kualiti Tradisi Kecemerlangan' sangat tepat dan perlu kita hayati bersama. Kerajaan telah cuba membawa suatu peralihan paradigma, untuk menjadikan perkhidmatan berorientasikan misi, dinamik dan mempunyai ketahanan dalam menangani persekitaran yang sentiasa berubah. Perubahan bukan sahaja diperlukan daripada segi struktur dan sistem tetapi juga perubahan nilai serta corak minda anggota kerja.

10. Penekanan utama adalah untuk memperkukuhkan budaya kecemerlangan dengan nilai-nilai teras seperti kualiti, produktiviti, inovasi, integriti, disiplin, akauntabiliti dan professionalisme. Kualiti hendaklah dijadikan budaya

kita dan bukan hanya diusahakan untuk sesuatu perkara pada sesuatu masa tertentu sahaja. Perkhidmatan atau produk yang berkualiti tinggi serta konsisten sudah tentunya mendapat kepercayaan dan sambutan yang hangat daripada pelanggan yang setia serta mempunyai pilihan harga yang tinggi. Oleh itu saya ingin menyeru agar kita semua menjadikan budaya kualiti sebagai tradisi kita di dalam menjalankan apa jua aktiviti.

11. Pihak Kerajaan telah mengeluarkan beberapa pekeliling tentang nilai-nilai murni dalam perkhidmatan awam. Saya gembira apabila diberitahu bahawa Kementerian Kesihatan telah mengenal pasti beberapa nilai-nilai murni yang utama untuk dijadikan panduan keseluruhan anggota IKU, iaitu Perkhidmatan Penyayang, Professionalisme dan Kerja Berpasukan.

12. Kita, khususnya yang berkecimpung di dalam perkhidmatan perubatan dan kesihatan, perlu mempunyai sikap penyayang apabila kita menjalankan tugas harian. Nilai ini bukanlah baru, malah mudah menjadi lambing kepada masyarakat timur dan amalan datuk moyang kita turun temurun. Walau bagaimanapun, kebelakangan ini ekor an arus pembangunan yang pesat, segolongan daripada kita nampaknya telah lupa kepada pegangan ini. Kejadian kelewatan yang disengajakan, menengking, melempar kata-kata kesat dan pelbagai lagi insiden yang tidak harus berlaku dilaporkan oleh media massa dari masa ke semasa. Saya harap dengan penerapan nilai-nilai murni, termasuk perkhidmatan penyayang oleh anggota kementerian kesihatan, kejadian begini akan berkurangan atau tidak berlaku sama sekali.

13. Daripada pengalaman peribadi saya semasa bertugas di IKU dan meneliti perkembangan semasa IKU, saya berpendapat masanya telah tiba untuk institusi ini diberi perhatian dan keutamaan. Sungguhpun IKU telah wujud selama 30 tahun, bilangan dan status anggota kerja professional tidak banyak berubah. Dengan itu saya bersetuju dengan saranan Pengarah IKU supaya tenaga kerja professional IKU ditambah selaras dengan kehendak semasa dan kehendak masa hadapan. Saya yakin IKU dan warganya mempunyai masa depan yang cerah dan akan terus mencipta nama di peringkat negara dan juga antarabangsa sebagai sebuah institusi yang terulung dalam bidang latihan dan penyelidikan kesihatan awam. Saya ingin melihat IKU 'make new inroads and achieve new rights' melalui aktiviti latihan dan penyelidikannya.

14. Sekali lagi saya ingin menyatakan kebanggaan diri saya sebagai bekas warga IKU dan berdoa institusi ini akan menjadi sebuah institusi contoh dalam bidang latihan dan penyelidikan kesihatan awam.

15. Dengan ini, saya dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim dengan sukacitanya merasmikan Hari 'Q' dan Ulangtahun ke 30 IKU.